

MALAYSIAN JOURNAL FOR ISLAMIC STUDIES **MJIS**

<https://journal.unisza.edu.my/mjis>

**SOROTAN DAN PENGAMALAN TAREKAT SHATTARIYYAH
SYEIKH DAUD AL-FATANI**

**[OVERVIEW AND PRACTICE OF SHAYKH DAUD AL-FATANI'S
SHATTARIYYAH TARIQA]**

AMIRUL HISHAM AFANDI,¹ ENGU IBRAHIM ENGU WOK ZIN^{1*} & ²
& NORHASHIMAH YAHYA¹

¹ Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak
21300 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA
Email: amirulhishamafandi@gmail.com; nhashimahyahya@unisza.edu.my

² Institut Penyelidikan Produk dan Ketamadunan Melayu Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin,
Kampus Gong Badak 21300 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA
Email: ibrahim@unisza.edu.my;

*Corresponding Author: ibrahim@unisza.edu.my

Received Date: 10 November 2023 • Accepted Date: 18 December 2023

Abstrak

Tarekat Shattāriyyah salah sebuah tarekat terawal yang tersebar di alam Melayu. Tarekat ini telah tersebar di sini sewal abad ke 17M lagi. Kemasukkannya melalui berberapa peringkat tokoh tempatan seperti Syeikh Abdul Rauf al-Fansuri telah memunculkan pelbagai aliran. Namun begitu, setiap satu daripada aliran tarekat Shattāriyyah mempunyai perbezaan sejarah dan pengamalan antara satu sama lain. Membataskan tarekat Shattāriyyah kepada satu aliran sahaja akan menimbulkan kesalahfahaman terhadap perkembangan tarekat Shattāriyyah di Alam Melayu. Justeru itu, kajian ini memfokuskan aliran tarekat Shattāriyyah yang dibawa masuk oleh Syeikh Daud al-Faṭānī. Hal ini demikian kerana beliau merupakan salah seorang tokoh utama dalam perkembangan tarekat Shattāriyyah di alam Melayu. Kajian ini akan menganalisis dokumen berkaitan seperti penulisan Syeikh Daud al-Faṭānī sendiri dan muridnya. Kajian ini mendapati beliau merupakan salah seorang tokoh tarekat Shattāriyyah Alam Melayu berdasarkan lima bukti penglibatan beliau dengan Tarekat Shattāriyyah. Syeikh Daud al-Faṭānī menerima tarekat Shattāriyyah daripada Syeikh Muhammad 'As'ad. Di samping menjadi pengamal, beliau juga menjadi tokoh pengembang tarekat Shattāriyyah. Perkembangan ini dilakukan dengan pembaharuan yang sesuai dengan keperluan masyarakat Melayu semasa. Justeru itu, ketokohan dan sumbangan Syeikh Daud al-Faṭānī dalam membimbing kerohanian masyarakat alam Melayu

perlu dihargai oleh generasi sekarang. Kajian ini penting untuk usaha dokumentasi maklumat berkenaan tarekat Shattāriyyah Syeikh Daud al-Fatānī sebagai suatu sorotan awal dalam topik ini.

Keywords: Tarekat Shattāriyyah, Syeikh Daud al-Fatānī, alam Melayu, ulama Melayu, tasawuf..

Abstract

The Shattāriyyah Tariqa stands as one of the earliest Sufi orders to proliferate in the Malay world, with its roots tracing back to the 17th century. Its propagation involved several stages, including the involvement of local figures such as Shaykh Abdul Rauf al-Fansūri, resulting in the emergence of diverse branches within the Tariqa. However, each branch of the Shattāriyyah Tariqa exhibits distinctions from one another. Restricting the study to a single branch could lead to misunderstandings regarding the development of the Shattāriyyah Tariqa in the Malay world. Therefore, this research centers on the stream introduced by Shaykh Daud al-Fatani, a key figure in the evolution of the Shattāriyyah Tariqa in the Malay world. The analysis is grounded in relevant documents, primarily focusing on the writings of Shaykh Daud al-Fatani himself and those of his disciples. The study identifies him as a prominent figure within the Shattāriyyah Tariqa in the Malay world, supported by five pieces of evidence affirming his engagement with the Tariqa. Shaykh Daud al-Fatani received the Shattāriyyah Tariqa from Shaykh Muhammad ‘As’ad. Beyond being a practitioner, he assumed a significant role as a leader in the development of the Shattāriyyah Tariqa. This development involved adaptations tailored to the contemporary needs of the Malay society. Therefore, the prominence and contributions of Shaykh Daud al-Fatani in guiding the spiritual aspects of the Malay community deserve acknowledgment by the present generation. This study holds significance in documenting information regarding the Shattāriyyah Tariqa brought forth by Shaykh Daud al-Fatani, serving as a pilot study in this field.

Kata Kunci: Shattāriyyah Tariqa, Syeikh Daud al-Fatānī, Malay world, Malay scholar, Sufism.

Cite as: Amirul Hisham Afandi, Engku Ibrahim Engku Wok Zin & Norhashimah Yahya. 2023. Sorotan dan Pengamalan Tarekat Shattāriyyah Syeikh Daud al-Fatani [Overview and Practice of Shaykh Daud al-Fatani’s Shattāriyyah Tariqa]. *Malaysian Journal For Islamic Studies* 7(1): 89-99.

PENGENALAN

Tarekat *Shattāriyyah* ialah salah sebuah tarekat yang muktabar dalam dunia Islam. Sejak muncul pada abad ke 15M di India, tarekat ini telah tersebar sehingga ke Mekah dan Madinah (*Hijaz*) pada abad ke 16M sebelum ke kepulauan Melayu pada abad ke 17M. Menurut Wan Mohd Saghir (2019: 4, 10) Tarekat *Shattāriyyah* telah dibawa masuk ke alam Melayu oleh Syeikh Abdul Rauf al-Fansuri pada abad ke 17M. Selepas beliau, muncul beberapa lagi tokoh alam Melayu turut menyebarkan Tarekat *Shattāriyyah* di kepulauan Melayu seperti Syeikh Abdul Rahman Pauh Bok, Syeikh Muhammad Ali, dan Syeikh Daud al-Fatānī. Malah Tarekat *Shattāriyyah* kemudian menjadi menjadi tarekat pertama yang mempunyai jumlah pengikut yang ramai di alam Melayu. Penyebaran Tarekat *Shattāriyyah* melalui tokoh-tokoh yang berbeza menimbulkan perbezaan antara setiap aliran dengan aliran yang lain. Justeru itu, kajian ini menumpukan Tarekat *Shattāriyyah* Syeikh Daud al-Fatānī.

PENGENALAN TAREKAT *SHAṬṬĀRIYYAH*

Tarekat *Shaṭṭāriyyah* merupakan sebuah tarekat yang dinisbahkan kepada Syeikh Abdullah al-Shaṭṭār bin Hussām al-Dīn bin Rashīd al-Dīn bin Ḏiyā’ al-Dīn bin Najm al-Dīn bin Jamāl al-Dīn bin Shihāb al-Dīn Umar al-Suhrawardi. Beliau telah diberi gelaran *al-Shaṭṭār* oleh Syeikh Muhammad Arif dan diktiraf untuk membentuk kaedah pengajaran tarekatnya yang tersendiri (Qadi Moinuddin, 1963: 1). Menurut Ahmad al-Qushāshī (1327H: 168) Kalimah *al-Shaṭṭār* merupakan lafaz jamak bagi perkataaan *shāṭir* yang bermaksud yang lebih mendahului, yang cepat sampai kepada hadrat Allah. Justeru itu, gelaran ini diberikan kepada Syeikh Abdullah al-Shaṭṭār kerana beliau mencapai peningkatan rohani dalam tempoh yang singkat. Oleh sebab ini para pengikut beliau kemudian dikenali dengan gelaran ahli *al-Shaṭṭār*.

Menurut Qadi Moinuddin (1963: 12-13) terdapat tiga prinsip utama dalam Tarekat *Shaṭṭāriyyah*. Pertama, latihan kerohanian yang mudah. Kedua, penumpuan terhadap rasa cinta dan asyik kepada Allah. Ketiga, keyakinan terhadap bimbingan guru. Prinsip asas ini dikemukakan dalam *Laṭā’if al-Ghaybiyyah*. Karya tulisan Syeikh Abdullah al-Shaṭṭārī ini merupakan dokumentasi terawal Tarekat *Shaṭṭāriyyah*. Menurut beliau, setiap tarekat mempunyai tujuan yang sama iaitu mencapai makrifat kepada Allah. Namun begitu, perbezaan antara setiap tarekat ialah cara untuk mendapatkannya. Justeru itu, prinsip beliau untuk mencapai makriat kepada Allah diketengahkan dalam Tarekat *Shaṭṭāriyyah*.

SYEIKH DAUD AL-FAṬĀNĪ DAN TAREKAT *SHAṬṬĀRIYYAH*

Penglibatan Syeikh Daud al-Faṭānī dalam Tarekat *Shaṭṭāriyyah* dapat dikesan melalui empat buah karya beliau. Pertama *Ward al-Zawāhir li Ḥilli ‘Alfāz ‘Iqd al-Jawāhir*. Kedua, *Ḍiyā’ al-Murīd fī Ma’rifah Kalimah al-Tawḥīd*. Ketiga *Kaifiyat Khatam Quran*. Keempat *Risalah Tarekat al-Shaṭṭāriyyah wa al-Sammāniyyah*. Keempat-empat karya ini mencatatkan maklumat penglibatan beliau dengan Tarekat *Shaṭṭāriyyah*. Namun begitu, daripada ketigatiganya, hanya kitab *Ward al-Zawāhir li Ḥilli ‘Alfāz ‘Iqd al-Jawāhir* dilengkapi dengan tarikh penulisan.

Di dalam *Ward al-Zawāhir li Ḥilli ‘Alfāz ‘Iqd al-Jawāhir*, Syeikh Daud al-Faṭānī (2019 : 421) menyebut “...Daud ibn Abdullah al-Jawi itu nama dirinya...Shaṭṭārī tarekatnya...”. Karya ini siap ditulis pada hari Selasa, 9 Rejab 1245H. Ia merupakan karya beliau yang terawal mencatatkan pengakuan ini. Selain itu, dalam *Ḍiyā’ al-Murīd fī Ma’rifah Kalimah al-Tawḥīd*, beliau menyebut penglibatan beliau secara tidak langsung. Syeikh Daud al-Faṭānī (1325H: 38) menyebut “...Maka setengah daripada kaifiatnya Tarekat penghulu kita ahli al-Shaṭṭāriyyah raḍiyāAllahu `anhūm...”. Kedua-dua kenyataan ini menunjukkan Syeikh Daud al-Faṭānī mengaku mengikuti dan menisbahkan diri beliau kepada Tarekat *Shaṭṭāriyyah*.

Selain itu, berdasarkan *Kaifiyat Khatam Quran* dan *Risalah Tarekat al-Shaṭṭāriyyah wa al-Sammāniyyah*. Penglibatan Syeikh Daud al-Faṭānī dalam Tarekat *Shaṭṭāriyyah* dapat dilihat dengan lebih jelas. Hal ini demikian kerana kedua-dua karya ini mendokumentasi maklumat lanjut berkenaan Tarekat *Shaṭṭāriyyah* yang dibawa oleh beliau seperti salasilah, cara baiah, dan cara berzikir (Wan Mohd Saghir, 2019a: 63 & 92). Justeru itu, keempat-empat buah karya ini menjadi bukti penglibatan Syeikh Daud al-Faṭānī dengan Tarekat *Shaṭṭāriyyah*.

Tambahan lagi, keempat-empat bukti ini dikuatkan lagi dengan pendokumentasian Imam Muhammad Amin. Beliau merupakan salah seorang murid Syeikh Daud al-Faṭānī dalam Tarekat Shāṭṭāriyyah. Imam Muhammad Amin (2019: 247) mencatatkan maklumat salasilah, cara baiah, dan cara berzikir seperti dalam *Kaifiyat Khatam Quran* dan *Risalah Tarekat al-Shāṭṭāriyyah wa al-Sammāniyyah*. Justeru itu, penglibatan Syeikh Daud al-Faṭānī dengan Tarekat Shāṭṭāriyyah mempunyai lima bukti kukuh.

Berdasarkan pengakuan peribadi, pendokumentasian maklumat lanjut, dan pengakuan murid, penglibatan Syeikh Daud al-Faṭānī dengan Tarekat Shāṭṭāriyyah tidak dapat disangkal lagi. Penglibatan ini bukan terhad kepada pengamalan peribadi, malah Syeikh Daud al-Faṭānī turut terlibat dalam penyebaran Tarekat Shāṭṭāriyyah kepada para muridnya. Justeru itu, penisbahan Tarekat Shāṭṭāriyyah kepada Syeikh Daud al-Faṭānī merupakan penisbahan tepat. Tidak ada keraguan mengenai hubungan beliau dengan Tarekat Shāṭṭāriyyah. Malah hubungan ini dapat dikukuhkan dengan salasilah tarekat beliau.

SALASILAH TAREKAT SHĀṬṬĀRIYYAH SYEIKH DAUD AL-FAṬĀNĪ

Maklumat salasilah Tarekat Shāṭṭāriyyah Syeikh Daud al-Faṭānī dapat ditemui dalam dua karya beliau iaitu *Kaifiyat Khatam Quran* dan *Risalah Tarekat al-Shāṭṭāriyyah wa al-Sammāniyyah* (Wan Mohd Saghir, 2019a: 63 & 92). Selain itu, maklumat ini juga terdapat dalam dokumentasi Imam Muhammad Amin. Ketiga-tiga pendokumentasian ini dapat mengenal pasti salasilah tarekat beliau. Namun begitu, oleh kerana ketiga-tiga dokumen ini mencatatkan maklumat yang sama, pengkaji hanya mengambil contoh pendokumentasian Imam Muhammad Amin (2019: 245-247). Beliau menyebut salasilah Tarekat Shāṭṭāriyyah Syeikh Daud al-Faṭānī seperti berikut:

“...Ia mengambil daripada Muhammad ‘As`ad *qaddas Allāh sirrāh* ia mengambil daripada bapanya, Syeikh Muhammad Said Tahir ia mengambil daripada bapanya, *Sayyid al-Shaykh Ibrahim al-Madani* ia mengambil daripada bapanya, *al-Ārif bi Allāh* Syeikh Muhammad Tahir ia mengambil daripada bapanya, *al-Ārif bi Allāh al-Jāmi` bayn al-Shari`ah wa al-Haqīqah* Syeikh Munlā Ibrahim al-Kūrānī ia mengambil daripada *Quṭb al-Madār wa Qudwah al-Muqarrabīn al-‘Abrār* Sayyidi Ahmad al-Qushāhi ia mengambil daripada *Quṭb Dā'irah Mushāhadah al-Rabbānī al-Munfarid fī ‘Awāniḥ bi lā Thānī ‘Abī al-Mawāhib* Abdullah Ibn Ahmad al-Shinnawī *tābā Allāh tharāh* ia mengambil daripada *Sulṭān al-Ārifīn* Sayyidi Ṣibghah Allāh ia mengambil daripada ‘Imām al-Muqaddam wa ‘Ulamā’ al-‘A`lam Sayyidina Wajīh al-Dīn al-`Alawi ia mengambil daripada *Ghawth al-Jāmi`* Sayyidina Muhammad al-Ghawth ia mengambil daripada *Quṭb al-Aqtār wa Ghawth al-Awtād* Syeikh Haji Huṣūr is mengambil daripada *Qudrah ‘Awliyā’ al-Ārifīn* Syeikh Hadiyyah Allāh Sarmast ia mengambil daripada *Shaykh al-Masyaikh ‘A`lām* Syeikh Qadi al-Shāṭṭārī ia mengambil daripada Syeikh Abdullah al-Shāṭṭārī...”

Berdasarkan salasilah ini, didapati Syeikh Daud al-Faṭānī mengambil Tarekat *Shatṭāriyyah* daripada Syeikh Muhammad ‘As`ad. Namun begitu, pengkaji tidak menemui maklumat mengenai Syeikh Muhammad ‘As`ad seperti tahun kelahiran dan kewafatan. Hal ini berbeza dengan maklumat mengenai tokoh-tokoh lain dalam salasilah. Beliau hanya dapat dipastikan sebagai anak kepada Muhammad Said al-Kūrānī dimana beliau mengambil tarekat daripada bapanya ini. Bagi menjelaskan lagi maklumat berkenaan tokoh dalam salasilah tersebut, berikut pengkaji menyenaraikan nama lengkap, tahun kelahiran dan kewafatan setiap tokoh dalam salasilah Syeikh Daud al-Faṭānī:

1. Syeikh Muhammad ‘As`ad bin Muhammad Said. Tahun kelahiran dan kewafatan beliau tidak dapat dipastikan.
2. Syeikh Muhammad Said al-Kūrānī bin Ibrahim. Dilahirkan pada 25 Syaaban 1134H dan telah wafat pada 15 Syaaban 1196H (al-Murādī, 1988: 4/27).
3. Syeikh Ibrahim al-Madani bin Muhammad. Dilahirkan pada 28 Syawal 1114H dan telah wafat pada tahun 1188H (t.p, 1983: 105)
4. Syeikh Abu Tahir Muhammad al-Kūrānī bin Ibrahim. Dilahirkan pada 11 Rejab 1091H dan telah wafat pada 9 Ramadan 1145H (al-Murādī, 1988: 4/27).
5. Syeikh Ibrahim al-Kūrānī bin Hasan. Dilahirkan pada Syawal 1025H dan telah wafat pada 19 Rabiulakhir 1111H (al-Murādī, 1988: 1/5).
6. Syeikh Ahmad bin Muhamad al-Qushashī. Tahun kelahiran beliau tidak dapat dipastikan. Namun begitu beliau telah wafat pada tahun 1071H (al-Muhibbi, 1248H: 246).
7. Syeikh Ahmad bin Ali al-Shinnāwī. Dilahirkan pada Syawal 975H dan telah wafat pada 8 Zulhijjah 1028H (al-Muhibbi, 1248H: 246).
8. Syeikh Sibghah Allāh bin Rūh Allāh al-Barūjī. Tahun kelahiran beliau tidak dapat dipastikan tetapi dipastikan. Namun begitu, beliau telah wafat 26 Jamadilawal 1015H (Abdul Hayy, 1999: 5/541-542).
9. Syeikh Wajīh al-Dīn bin Naṣr Allāh al-`Alawi al-Gujrātī. Dilahirkan pada tahun 911H dan telah wafat pada tahun 998H (Abdul Hayy, 1999: 4/442).
10. Syeikh Muhammad bin Khaṭīr al-Dīn al-`Aṭṭār al-Gujrātī. Beliau lebih dikenali dengan gelaran Syeikh Muhammad Ghawth. Tahun kelahiran beliau tidak dapat dipastikan. Namun begitu, beliau telah wafat pada 17 Ramadan 970H (Abdul Hayy, 1999: 4/408).
11. Syeikh Ḥamīd al-Dīn bin Zuhūr al-Dīn al-Gwailūri. Beliau lebih dikenali dengan gelaran al-Ḥāj al-Zuhūr al-Ḥamīd al-Ḥuṣūr. Beliau telah dilahirkan pada tahun 835H dan telah wafat pada tahun 930H (Abdul Hayy, 1999: 4/333-334).
12. Syeikh Abu al-Faṭḥ Hadiyyah Allāh bin Muhammad al-Shatṭārī. Beliau dikenali dengan gelaran Sarmast. Tahun kelahiran dan kewafatan beliau tidak dapat dipastikan. Namun begitu, beliau direkodkan masih hidup pada tahun 946H (Abdul Hayy, 1999: 4/301).
13. Syeikh Muhammad bin ‘Alā’ al-Dīn al-Hāshimi al-Tirhitī. Beliau dikenali dengan gelaran Syeikh Qādin. Tahun kelahiran beliau tidak dapat dipastikan. Namun begitu, beliau telah wafat pada 3 Safar 892H (Abdul Hayy, 1999: 3/273).
14. Syeikh Abdullah al-Shatṭārī bin Husām al-Dīn al-Khurasānī. Tahun kelahiran beliau tidak dapat dipastikan. Namun begitu, beliau telah wafat pada tahun 832H (Abdul Hayy, 1999: 3/258).

Justeru itu, terdapat 12 tokoh perantaraan antara Syeikh Daud al-Fatānī dengan Syeikh Abdullah al-Shaṭṭārī. Tokoh-tokoh ini terdiri daripada ulama-ulama dari Hijaz seperti keluarga Ibrahim al-Kūrānī, Syeikh Ahmad al-Qushāshī dan ulama-ulama dari India seperti Syeikh Wajīh al-Dīn dan Syeikh Muhammad bin ‘Alā’. Hal ini demikian menunjukkan Tarekat Shaṭṭāriyyah Syeikh Daud al-Fatānī merupakan tarekat muktabar yang diterima oleh ulama dari masa ke masa sehingga zaman Syeikh Daud al-Fatānī.

METODE TAREKAT *SHAṬṬĀRIYYAH SYEIKH DAUD AL-FATĀNĪ*

Tarekat *Shaṭṭāriyyah* telah mengalami pembaharuan (*tajdīd*) mengikut tokoh-tokohnya. Antara tokoh pembaharu di dalamnya ialah Muhammad Ghawth dan Ahmad al-Qushāshī. Kesan pembaharuan Tarekat *Shaṭṭāriyyah* dapat dilihat dalam beberapa penulisan seperti *al-Jawāhir al-Khams* oleh Muhammad Ghawth dan *al-Simṭ al-Majīd fi Sha’ni al-Bay’ah wa al-Dhikr wa Talqīnihi wa Salāsil Ahl al-Tauhīd* oleh Ahmad al-Qushāshī. Pembaharuan terus berlaku dibawah pengaruh keluarga al-Kūrānī yang didahului oleh Ibrahim al-Kūrānī sehingga kepada Muhammad ‘As’ad. Syeikh Daud al-Fatānī juga tidak terkecuali dalam membawa pembaharuan. Hal ini sebagai salah satu usaha beliau dalam menyesuaikan Tarekat *Shaṭṭāriyyah* dengan keadaan masyarakat Melayu semasa.

Pembaharuan utama yang dilakukan oleh Syeikh Daud al-Fatānī dapat dilihat pada cara baiah dan cara berzikir. Beliau hanya memilih satu cara baiah dan satu cara berzikir. Hal ini demikian berbeza dengan Ahmad al-Qushāshī (1327H: 37-38, 55) yang menyebut sembilan cara baiah. Cara baiah ini berbeza mengikut keadaan tertentu seperti melibatkan jumlah murid yang ramai dan melibatkan golongan wanita. Selain itu, Ahmad al-Qushāshī (1327H: 171-173) juga menyebutkan 17 cara berzikir secara nyaring (*jahr*). Pemilihan Syeikh Daud al-Fatānī untuk meringkaskan cara baiah dan berzikir ini berdasarkan prinsip Tarekat *Shaṭṭāriyyah* iaitu latihan kerohanianya yang mudah. Pembaharuan ini secara tidak langsung membantu perkembangan Tarekat *Shaṭṭāriyyah* di alam Melayu.

CARA BAIAH TAREKAT *SHAṬṬĀRIYYAH SYEIKH DAUD AL-FATĀNĪ*

Kaedah baiah ini didokumentasikan oleh Syeikh Daud al-Fatānī (2012: 74) dan Imam Muhammad Amin (2019: 248 - 252). Sebelum berbaiah, murid diminta bersuci daripada hadas dan bertaubat daripada dosa. Hal ini demikian kerana bersuci daripada hadas melibatkan aspek zahir, manakala bertaubat daripada dosa melibatkan aspek batin. Justeru itu, sebelum melibatkan diri dengan Tarekat *Shaṭṭāriyyah*, seseorang perlu menyucikan aspek zahir dan batinnya. Perkara ini selaras dengan perintah Allah:

اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ يُحِبُّ التَّوَبَّينَ وَيُحِبُّ الْمُطَهَّرِينَ

Sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang bertaubat dan orang-orang yang menyucikan diri (al-Baqarah, 2: 222)

Setelah itu, murid diminta berjabat tangan dengan para hadirin dalam majlis baiah. Hal ini demikian kerana majlis baiah Tarekat *Shaṭṭāriyyah* boleh berlaku dengan kehadiran orang

lain seperti murid-murid yang lain. Justeru itu, majlis baiah bukan tertutup kepada guru dan murid terlibat sahaja. Setelah berjabat tangan, murid disuruh guru untuk meletakkan tapak tangannya di atas lantai. Hal ini demikian agar guru dapat meletakkan tangannya atas tangan murid. Perkara ini selaras dengan ayat Quran yang dibaca oleh guru ketika proses ini dilakukan. Ayat tersebut ialah firman Allah:

إِنَّ الَّذِينَ يُبَايِعُونَكَ إِنَّمَا يُبَايِعُونَ اللَّهَ يَدُ اللَّهِ فَوْقَ أَيْدِيهِمْ فَمَنْ نَكَثَ فَإِنَّمَا يَنْكُثُ عَلَىٰ نَفْسِهِ وَمَنْ أَوْفَىٰ بِمَا عَاهَدَ عَلَيْهِ اللَّهُ فَسَيُؤْتِيهِ أَجْرًا عَظِيمًا

Sesungguhnya orang-orang yang berbaiah kepada engku wahai Muhammad, sesungguhnya mereka berbaiah kepada Allah. Kekuasaan Allah mengatasi kekuatan mereka. Justeru itu, sesiapa yang melanggar baiah, maka dia melanggar baiah dirinya sendiri. Dan sesiapa yang menyempurnakan baiah kepada Allah, maka Allah akan memberikannya pahala yang besar. (al-Fath, 48: 10)

Kemudian, guru membimbing murid untuk menyebut pengakuan baiah. Pengakuan ini berupa keredaan murid terhadap Allah, Islam, Nabi Muhammad, Quran, Kaabah, dan guru. Malah murid juga mengaku bersaudara dengan orang-orang fakir. Selepas murid membuat pengakuan, kedua-dua murid dan guru beristighfar dan berselawat kepada Nabi Muhammad bersama-sama. Setiap istighfar dan selawat ini masing-masing disebut sebanyak tiga kali. Proses baiah kemudian diteruskan dengan guru mengajar murid menyebut kalimah tauhid. Pengajaran ini dilakukan dengan guru menyebut kalimah tauhid sebanyak tiga kali sambil didengari murid. Kemudian murid mengulangi sebutan kalimah tauhid tersebut sebanyak tiga kali sambil didengari guru.

Apabila selesai proses pengajaran ini, guru dan murid berzikir tahlil bersama-sama sebanyak 100 kali. Zikir tahlil ini dilakukan dengan suara yang nyaring. Setelah cukup 100 kali bilangan tahlil, disebut pula ayat penutup dengan berkata:

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ مُحَمَّدُ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَيْهَا تَحْيَا وَعَلَيْهَا تَمُوتُ وَبِهَا تُبَعَّثُ إِنْ شَاءَ اللَّهُ تَعَالَى مِنَ الْأَمِنِينَ بِرَحْمَةِ اللَّهِ وَكَرَمِهِ

Tiada tuhan melainkan Allah, Muhammad itu pesuruh Allah sallaallahu alaihi wasallam dengannya kami hidup dan dengannya kami mati dan dengannya kami akan dibangkitkan dengan izin Allah taala daripada golongan yang aman sejahtera dengan rahmatnya dan kemuliaannya.

Kemudian guru meminta murid menahan nafas dan memohon Allah kurniakan pertolongan dan pembukaan (*futūh*) dalam berzikir. Apabila selesai, guru pula mendoakan murid agar Allah menerima amalan zikirnya, diberi kebaikan seperti kebaikan yang telah diberikan kepada nabi-nabi, wali-wali, dan orang-orang yang salih. Selepas guru siap berdoa, murid diminta menghadiahkan pahala bacaan surah *al-Fatiha* sebanyak tiga kali. Bacaan pertama dihadiahkan kepada Nabi Muhammad, keluarga, dan sahabat baginda.

Bacaan kedua dihadiahkan kepada seluruh ahli salasilah tarekat. Bacaan ketiga dihadiah kepada guru yang membaiahkan tarekat. Proses baiah ini kemudian diakhiri dengan bacaan doa.

Justeru itu, perkara-perkara ini merupakan asas penyertaan seseorang ke dalam Tarekat *Shattāriyyah* mengikut Syeikh Daud al-Faṭānī. Proses ini mesti dijalani oleh setiap murid. Namun begitu, proses ini hanya tertumpu kepada seorang murid lelaki. Syeikh Daud al-Faṭānī tidak menyebutkan secara terperinci cara baiah yang lainnya seperti melibatkan jumlah murid yang ramai atau melibatkan murid wanita. Hal ini demikian mungkin kerana tidak ada keperluan menyebut cara baiah yang lain pada ketika itu.

CARA BERZIKIR TAREKAT *SHATTĀRIYYAH* SYEIKH DAUD AL-FATĀNĪ

Setelah dibaiah, seseorang murid diperintahkan oleh guru untuk sentiasa berzikir. Perintah ini menjadikan amalan zikir kepadanya menjadi wajib (Syeikh Daud al-Faṭānī, 2012: 74). Perintah ini selaras dengan ayat-ayat quran yang menekankan amalan zikir seperti:

وَالذِّكْرُ بِنَانَ اللَّهَ كَثِيرًا وَالذِّكْرُ تَأْمَدُ اللَّهُ لَهُمْ مَغْفِرَةً وَأَجْرًا عَظِيمًا

Dan orang-orang lelaki yang banyak berzikir serta orang-orang perempuan yang banyak berzikir, Allah telah menyediakan bagi mereka semuanya keampunan dan pahala yang besar.

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ إِيمَنُوا اذْكُرُوا اللَّهَ ذِكْرًا كَثِيرًا

Wahai orang-orang yang beriman, berzikirlah kepada Allah dengan zikir yang sebanyak-banyaknya (al-‘Ahzāb, 33: 35, 41)

Amalan berzikir penting untuk ditekuni oleh murid. Hal ini demikian kerana zikir mempunyai banyak kelebihan. Antara kelebihan amalan berzikir ialah dapat melembutkan hati, membuka kerahmatan, membantu penumpuan hati (*tawajjuh*) kepada Allah, dan membaiki akhlak (Abdul Qadir, 2007: 117). Justeru itu, dalam Tarekat *Shattāriyyah*, seorang murid wajib mengamalkan zikir tahlil sebanyak 100 kali. Zikir tahlil ini hendaklah dilakukan setiap kali selepas sembahyang subuh dan isyak. Amalan berzikir ini mempunyai panduan yang perlu diikuti. Hal ini demikian agar zikir yang dilakukan dapat memberi kesan yang baik kepada murid.

Berikut merupakan cara berzikir yang digariskan oleh Syeikh Daud al-Faṭānī (2012 : 75) dan Imam Muhammad Amin (2019: 247 - 248). Seorang murid hendaklah duduk bersila sambil menghadap kiblat. Hal ini demikian selaras dengan firman Allah:

وَمَنْ حَيْثُ خَرَجْتَ فَوْلَ وَجْهَكَ شَطْرُ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ وَإِنَّهُ لِلْحُقُّ مِنْ رَبِّكَ وَمَا اللَّهُ بِغَافِلٍ عَمَّا تَعْمَلُونَ

Dan dari mana sahaja engkau keluar, maka hadapkanlah mukamu ke arah Masjidilharam. Dan sesungguhnya perintah berkiblat ke Kaabah itu adalah benar dari Tuhanmu. Dan Allah tidak sekali-kali lalai terhadap apa yang kamu lakukan. (al-Baqarah, 2: 149)

Semasa duduk bersila, kedua-dua belah tangan hendaklah diletakkan di atas kedua lutut. Hal ini demikian agar mendapat keselesaan semasa berzikir. Setelah itu, kedua-dua belah mata hendaklah dipejam. Hal ini demikian agar mendapat tumpuan semasa berzikir. Proses berzikir kemudian dilakukan dengan kalimah tauhid. Kalimah tauhid ini dibahagikan kepada empat bahagian dan dua kedudukan seperti berikut:

Jadual 1: Pembahagian dan kedudukan kalimah tauhid

1. ﷺ	2. ﻻ	3. ﴿الله﴾	4. ﴿ل﴾
5. Hati sanubari	6. Bahu kanan	7. Bahu kanan	8. Hati sanubari

Kalimah *lā* disebut dan dibayangkan berada pada hati sanubari. Kedudukan hati sanubari yang dimaksudkan berada pada sebelah dada kiri. Pada ketika ini, murid meniatkan untuk mengeluarkan segala makhluk daripada hati sanubari. Hal ini demikian kerana hati yang dibelenggu oleh makhluk tidak dapat mengingati Allah dengan sempurna. Firman Allah:

مَا جَعَلَ اللَّهُ لِرَجُلٍ مِّنْ قَلْبِينَ فِي جَوْفِهِ

Allah tidak sekali-kali menjadikan seseorang mempunyai dua hati sanubari dalam rongga dadanya. (al-‘Ahzāb, 33: 4)

Justeru itu, hati sanubari manusia tidak dapat menerima dua perkara yang berbeza dalam satu masa yang sama. Oleh kerana itu, ia tidak patut untuk mengingati sesuatu pun kecuali Allah (Ismail, 2018: 7/136). Sebutan, bayangan kalimah *lā*, dan niat menafikan makhluk dipanjangkan sehingga ke bahu kanan. Apabila sampai ke bahu kanan, disebut pula kalimah ‘*ilāhā* dan membayangkan membuang segala makhluk ke belakang. Seterusnya disebut dan dibayangkan kalimah ‘*illā* pada bahu kanan, sebelum akhirnya disebut dan dibayangkan kalimah Allāh dimasukkan ke dalam hati sanubari. Pada ketika ini, seorang murid hendaklah mengingati bahawa tiada tuhan yang disembah dengan sebenarnya melainkan Allah. Cara berzikir ini dilakukan setiap kali menyebut kalimah tauhid sebanyak 100 kali.

Selain itu, bagi melengkapkan lagi cara berzikir, Syeikh Daud al-Fatānī (1325H: 27 – 43) menegaskan 25 adab berzikir. Beliau telah membahagikan adab ini kepada tiga bahagian. Bahagian yang pertama adab sebelum berzikir yang terdiri daripada lima adab. Manakala bahagian yang kedua adab ketika berzikir yang terdiri daripada 15 adab. Bahagian ketiga pula adab selepas berzikir yang terdiri daripada lima adab.

Perbincangan terperinci mengenai adab-adab ini telah disebutkan beliau pada fasal yang ketiga dalam kitab *Diyā’ al-Murīd fī Ma’rifah Kalimah al-Tawhīd*. Adab-adab ini termasuk

dalam kesempurnaan bukan intipati cara berzikir. Justeru itu, kajian tidak membincangkan lanjut mengenai hal ini.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, Syeikh Daud al-Fatānī merupakan salah seorang tokoh Tarekat *Shattāriyyah* dalam kalangan masyarakat Melayu. Beliau telah menyambung legasi ulama Melayu yang lain seperti Syeikh Abdul Rauf al-Fanṣūri sebagai pengembang Tarekat *Shattāriyyah*. Kecenderungan beliau terhadap Tarekat *Shattāriyyah* berasaskan faktor ia merupakan antara tarekat yang telah berkembang di Hijaz dan alam Melayu. Justeru itu, latar belakang beliau yang berasal dari alam Melayu kemudian bergiat di Hijaz menjadikan Tarekat *Shattāriyyah* sebagai tarekat pilihan Syeikh Daud al-Fatānī.

Penglibatan Syeikh Daud al-Fatānī dalam Tarekat *Shattāriyyah* dipastikan melalui lima pembuktian. Bukti-bukti ini tercatat dalam empat buah karya beliau iaitu *Ward al-Zawāhir li Ḥilli ‘Alfāz ‘Iqd al-Jawāhir, Ḏiyā’ al-Murīd fī Ma’rifah Kalimah al-Tawhīd, Kaifiyat Khatham Quran, Risalah Tarekat al-Shattāriyyah wa al-Sammāniyyah*, dan pendokumentasian Imam Muhammad Amin. Kelima-lima bukti ini kukuh bagi memastikan penglibatan ini. Tambahan lagi, pendokumentasian Imam Muhammad Amin juga menjelaskan bahawa penglibatan Syeikh Daud al-Fatānī dalam Tarekat *Shattāriyyah* bukan hanya sebagai amalan peribadi. Malah, beliau juga terlibat sebagai salah seorang pengembang Tarekat *Shattāriyyah*.

Syeikh Daud al-Fatānī mengambil Tarekat *Shattāriyyah* daripada gurunya, Syeikh Muhammad ‘As`ad. Salasilah Tarekat *Shattāriyyah* beliau diberi oleh berberapa tokoh daripada keluarga Syeikh Ibrahim al-Kūrānī sehingga kepada Syeikh Sibghatullah sebelum bersambung dengan Syeikh Abdullah al-Shattār. Setiap tokoh ini telah mengembangkan tarekat ini berdasarkan pendekatan tersendiri mengikut situasi semasa. Dalam hal ini Syeikh Daud al-Fatānī juga tidak terkecuali. Beliau telah meringkaskan dan memudahkan cara baiah dan berzikir sesuai untuk masyarakat Melayu. Cara baiah dan berzikir yang ringkas serta mudah ini membantu mengembangkan lagi Tarekat *Shattāriyyah* di alam Melayu. Justeru itu, Syeikh Daud al-Fatānī telah meninggalkan sumbangan penting melalui Tarekat *Shattāriyyah*.

RUJUKAN

- Quran.
- Abdul Hayy. 1999. *Nuzhah al-Khawāṭir wa Bahjah al-Musāmī` wa al-Nawāzir*. Beirut: Dār Ibn Hazm.
- Abdul Qadir. 2007. *Haqā’iq `an al-Taṣawwuf*. Aleppo: Dār al-‘Irfān.
- Ahmad al-Qushāshi. 1327H. *al-Simt al-Majīd fī Sha’ni al-Bay’ah wa al-Dhikr wa Talqīnihi wa Salāsil ‘Ahl al-Tauhīd*. Hyderabad: Maṭba’ah Majlis Dā’irah al-Ma’ārif al-Nizāmiyyah.
- al-Muhibbi. 1248H. *Khulāṣah al-Athar fī ‘Ayān al-Qarni al-Hādi ‘Ashar*. Mesir: al-Maṭba`ah al-Wahbiyyah.
- al-Murādī. 1988. *Silq al-Durar fī ‘Ayān al-Qarni al-Thānī ‘Ashar*. Beirut: Dār Ibn Hazm dan Dār al-Bashā’ir al-Islāmiyyah.

- Anon. 1983. *Tarājim Ḥayān al-Madīnah al-Munawwarah fī al-Qarni Thani `Ashr al-Hijrī*. Jeddah: Dar al-Sharūq.
- Imam Muhammad Amin. 2019. Lampiran dalam Wan Mohd Saghir, Penyebaran Thariqat-Thariqat Sufiyah Muktabarah di Dunia Melayu. Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah.
- Ismail. 2018. *Rūh al-Bayān fī Tafsīr al-Qurān*. Beirut: Dār al-Kutub al-`Ilmiyyah.
- Qazi Moinuddin. 1963. History Of Shattari Silsilah. Tesis Kedoktoran yang tidak diterbitikan. Aligarh: Universiti Islam Aligarh.
- Syekh Daud al-Fatānī. 1325H. *Diyā' al-Murīd fī Ma'rifah Kalimah al-Tawhīd*. Mekah: al-Matba`ah al-Miriyyah.
- Syekh Daud al-Fatānī. 2012. Lampiran dalam Mohd Zaidi, Kearifan yang Subur. Shah Alam: Kurnia Ilham.
- Syekh Daud al-Fatānī. 2019. *Ward al-Zawāhir li Hilli 'Alfāz Iqd al-Jawāhir*. Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah.
- Wan Mohd Saghir. 2019. *Penyebaran Thariqat-Thariqat Sufiyah Muktabarah DI Dunia Melayu*. Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah.
- Wan Mohd Saghir. 2019a. *Syekh Daud al-Fathani: Pengarang ulung Asia Tenggara*. Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah.